



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

JUNIOR INNOVATOR
SMK TAMAN TUN
FUAD
TEAM 2

Materials

- ❖ Water
- ❖ Salt
- ❖ C.
- ❖ Grafite
- ❖ Wire
- ❖ Bottle
- ❖ Battery
- ❖ Hose
- ❖ P.S.C
- ❖ Syringe

Disadvantages

- ❖ Product must be charged using electricity before use.
- ❖ Product does not produce a strong fire.

Problem statement

- ❖ Teenager nowadays abuse the use of butane gas that can harm themselves.

Significant

- ❖ Satisfied and will get a good response from the buyer



Hydro Fire

YOUNG SCI-SHOW
&
JUNIOR INNOVATOR

01

YSCC & JIC

PENULIS
MEGAWATI M.Y

PENYUNTING
AZLINAH MATAWALI



Transformation towards
UNIVERSITY INDUSTRY 4.0



YOUNG SCI-SHOW (YSSC) & JUNIOR INNOVATOR COMPETITION (JIC)

Pertandingan *YSSC* dan *JIC* anjuran PPST, UMS telah diadakan sempena program Karnival STEM Asasi Sains UMS 2019 yang telah berlangsung pada 20-21 Mac 2019. Pertandingan ini merupakan usaha yang mampu menjana kemahiran berfikir aras tinggi kepada generasi muda. Pertandingan *YSSC* terbuka kepada pelajar sekolah menengah atas. Peserta dikehendaki menghasilkan video pendek berdasarkan matapelajaran Sains yang telah dipelajari di sekolah. Manakala pertandingan *JIC* pula berbentuk rekacipta prototaip dan poster terbuka kepada pelajar menengah rendah. Dengan pendedahan seperti ini, para pelajar dapat meningkatkan kemahiran holistik berpandukan 4k iaitu komunikasi, kerjasama, kemahiran kritikal dan kreativiti.

Sebanyak 28 penyertaan daripada 11 sekolah yang terlibat dalam pertandingan *YSSC*. SMK Tamparuli (Tamparuli) telah muncul sebagai juara pertandingan setelah melalui saringan 6 finalis peringkat akhir dengan membawa pulang wang tunai sebanyak RM1000 beserta sijil. Manakala, SMK Datuk Panglima Abdullah (Semporna) dan SMK Merbau (Miri) telah dinobatkan tempat kedua dan ketiga. Menurut pengarah PPST, Prof Madya Dr Sazmal Effendi Arshad, aktiviti sebegini dapat meningkatkan minat dan penglibatan langsung pelajar terhadap STEM. Selain daripada itu, pelajar berpeluang mengaplikasikan konsep sains dengan pengalaman seharian.





YOUNG SCI-SHOW (YSSC) & JUNIOR INNOVATOR COMPETITION (JIC)



Peserta *JIC* yang Berjaya merangkul juara

Seramai 4 penyertaan daripada pelajar menengah rendah pula telah menyertai pertandingan *JIC*. Menariknya, pertandingan ini turut mendapat sambutan daripada negeri jiran iaitu daripada SMK Merbau, Miri, Sarawak. Turut hadir merasmikan acara Karnival STEM adalah Yang berbahagia Prof. Dr Rasid Mail merangkap Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, UMS.

Pihak PPST akan terus komited untuk menjadi salah satu pemicu utama dalam memperkasakan gagasan STEM khususnya di peringkat negeri Sabah. Aktiviti yang diilhamkan oleh Pengarah PPST ini akan terus dipelbagaikan demi menarik lebih banyak generasi muda dalam bidang STEM khususnya pada era revolusi industri 4.0 ini.

